

## LAMPIRAN

### CONTOH ANALISIS KOSONG

SMU/ SMTQ, SPM dan STAM/ STTQ 2002

#### SMU/SMTQ 2002

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit									Lulus	
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	Jum	%
1	Al-Quran											
2	Qiraat											
3	Hifzul Mutun											
4	Nahu & Sorf											
5	Balaghah											
6	Mutalaah & Insyah											
7	Fiqh & Tauhid											
8	Tafsir & Hadith											
9	Bahasa Melayu											
10	Bahasa Inggeris											

Sijil Kenyataan SMU	Bil	Peratus
Cemerlang		
Pangkat 1		
Pangkat 2		
Pangkat 3		
Gagal		
Jumlah		



### Pelajar terbaik SPM

Bil	Nama	Keputusan
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		

### Analisis keputusan STTQ 2002

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit					Lulus	
		I	JJ	J	M	R	Jum	%
1	Al-Quran							
2	Al-Qiraat							
3	Hifzul Mutun							
4	Rasmul Quran							
5	Al-Fawasil							
6	Feqah							
7	Tauhid							
8	Tafsir							
9	Hadis							
10	Qawaid Arabiah							
11	Insya' & Mutalaah							
12	Arudh & Qafiah							
13	Bahasa Inggeris							



## Analisis keputusan STU/STTQ 2000

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit								Lulus	
		1	2	3	4	5	6	7	8	Jum	%
1	Al-Quran										
2	Al-Qiraat										
3	Hifzul Mutun										
4	Rasmul Quran										
5	Al-Fawasil										
6	Feqah										
7	Tauhid										
8	Tafsir										
9	Hadis										
10	Qawaid Arabiah										
11	Insya' & Mutalaah										
12	Arudh & Qafiah										
13	Bahasa Inggeris										

### Kesimpulan

Sijil Kenyataan STTQ	Bil	Peratus
Mumtaz		
Jayyid Jiddan		
Jayyid		
Maqbul		
Rasib (Gagal)		
Jumlah		

### Pelajar terbaik STTQ

Bil	Nama	Keputusan
1		
2		
3		



Lulus	11 A	10A	9A	8A	7A	6A	5A	4A	3A	2A	1A
Bil											
%											

### Analisis keputusan SPM 1997

Bil	Mata Pelajaran	Bil Gred								Lulus	
		1	2	3	4	5	6	7	8	Jum	%
1	Bahasa Melayu										
2	Bahasa Inggeris										
3	Matematik										
4	Sejarah										
5	Sains										
6	Pen. Al-Quran Sunnah										
7	Pen Syariah Islamiah										
8	Bahasa Arab Tinggi										
9	Ekonomi Asas										
10	Prinsip Akaun										
11	Matematik Tambahan										

### Analisis keputusan STAM 2004

Bil	Mata Pelajaran	Bil Pelajar Mendapat Unit					Lulus	
		I M	JJ	J	M	R	Jum	%
1	Hifz Al-Quran & Tajwid							
2	Fiqh							
3	Tauhid & Mantiq							
4	Tafsir Wa Ulumuhu							
5	Hadith & Mutalaah							
6	Nahi & sorf							
7	Insyak & Mutalaah							
8	Adab Nusus							
9	Arudh & Qafiah							
10	Balaghah							

## CONTOH-CONTOH SOALAN TEMURAMAH UNTUK GURU

1. Sejak bila ustaz/ustazah mula berkhidmat di sini?
2. Berapakah jumlah pelajar di bawah pengelolaan ustaz?
3. Bolehkah ustaz menceritakan serba sedikit sejarah penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat, Pulau Chondong (MTAQPC)?
4. Bagaimanakah sistem pembelajaran dan pengajaran yang digunakan disini?
5. Dari segi hafazan al-Quran, adakah satu kaedah atau cara berkesan untuk pelajar menguatkan hafazan?
6. Bagaimanakah keberkesanan hafazan pelajar semasa pulang ke rumah bercuti?
7. Apakah kemudahan yang disediakan disini bagi membantu kecemerlangan pelajar?
8. Apakah ciri-ciri yang harus ada pada pelajar yg bergelar al-Hafiz?
9. Bagaimanakah sistem peperiksaan yang dilakukan di sini?
10. Apakah komen ustaz terhadap faktor hafazan al-Quran boleh membantu kecemerlangan para pelajar dalam akademik?
11. Sejauh manakah ustaz melihat keberkesanan kaedah yang disediakan mampu membantu para pelajar menguatkan hafazan?
12. Bolehkah ustaz sebutkan kejayaan para pelajar MTAQPC dalam sebarang pertandingan?
13. Komen ustaz tentang perkembangan Maahad Tahfiz sekarang?
14. Apakah harapan Ustaz terhadap bidang ini pada masa akan datang?

## Soalan dan Jawapan

### 1. Apakah ciri-ciri yang harus ada pada setiap pelajar yang bergelar al-Hafiz?

Bertaqwa kepada Allah dalam erti kata sebenar, melengkapakan diri dengan mempelajari semua bidang ilmu<sup>1</sup>. Berakhlak sebagaimana yang digaris oleh al-Quran dan al-Sunnah<sup>2</sup> iaitu amanah, peribadi mulia, sifat-sifat mahmudah, zuhud dan sebagainya.<sup>3</sup> Seorang hafiz harus ada tanggungjawab untuk mempraktik dan memahami dengan memahami tujuan al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t dan mengamalkan dalam kehidupan.<sup>4</sup> Cerdik pandai, keinginan dan kemahuan.<sup>5</sup> Perlu ada sifat ikhlas, merapatkan diri dengan Allah dalam erti kata hubungan makhluk kepada Allah.<sup>6</sup> Semua ciri yang harus ada pada seorang muslim tiada beza al-hafiz atau sebaliknya.<sup>7</sup> Amanah dan bertanggungjawab pada al-Quran yang dihafal.<sup>8</sup> Akhlak al-Quran iaitu bukan sekadar hafalan sahaja.<sup>9</sup> Pertamanya kita perlu sedar bahawa sebelum bergelar al hafiz terlebih dahulu dia adalah muslim, justeru semua ciri-ciri yang perlu ada pada diri seorang muslim hendaklah ada pada dirinya. Ciri-ciri ini terlalu banyak disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis juga dihuraikan oleh para ulamak terutamanya Imam Ghazali dalam kitab-kitabnya. Kesimpulannya dia hendaklah mengikuti apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya didalam kehidupannya dan mengambil Islam sebagai cara hidup dan panduan. Untuk al hafiz secara khusus ada beberapa ciri tambahan yang perlu dimilikinya sesuai dengan *title* yang dipikulnya. Ciri-ciri ini telah disebut secara khusus oleh para ulamak antaranya Imam Ajurri dalam kitabnya Akhlak Hamalatul Quran, Imam al Qurthubi dalam beberapa karangannya dan banyak lagi. Antara ciri-ciri tersebut ialah ikhlas kepada allah ketika menuntut ilmu al-Quran, sentiasa membaca al-Quran siang dan malam, di dalam solat dan di luar supaya tidak lupa al-Quran yang dihafalnya sehinggakan berbeza dari orang kebanyakan dari sudut tersebut, berusaha untuk mengamalkan isi kandungan al-Quran dan banyak lagi. Cuma boleh disimpulkan disini ialah seorang al hafiz hendaklah lebih `lebai` dari orang lain yang tidak menghafal al Quran. Kelebaiannya hendaklah melambangkan *title* hafiz yang dipegangnya.<sup>10</sup>

### 2. Apakah kaedah atau cara berkesan untuk membantu pelajar menguatkan hafazan?

---

<sup>1</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah, Penolong kanan Pentadbiran, Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas, pernah menjadi tenaga pengajar di MTAQ. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>2</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman, Ketua Warden asrama 2008, setiausaha peperiksaan 2007, 2008, guru disiplin 2008, guru kokurikulum 2007, mendapat pendidikan di MTAQ 1991-1998. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>3</sup> Shaharudin Yaakob, tenaga pengajar MTAQ 2003- 2008. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>4</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din, generasi ketiga MTAQ. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>5</sup> Mirza Alauddin Razali, Pelajar MTAQ 1995-2001, generasi keempat, SMU 9 agregat, SPM 6A 1B 2C 1D, STTQ pangkat 1, setiausaha pengawas 1999-2000, Ketua kelab nasyid, kini guru Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>6</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah, generasi MTAQ pertama, SMU dan SMTQ 6 agregat, ketua pelajar. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>7</sup> Nik Muhammad Nik Man, generasi MTAQ kelima, SMU 7 agregat, SPM 6A 2B, pernah menjadi exco majlis pelajar dan terlibat dengan nasyid di MTAQ, sekarang sedang menuntut ijazah sarjana di UIA. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>8</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed, generasi ketiga MTAQ, kini menjadi tenaga pengajar di MTAQ. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>9</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman, generasi pertama MTAQ. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>10</sup> Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim, generasi ketiga MTAQ, Sijil menengah agama 1997: 7 agregat, :Sijil pelajaran Malaysia 1998: 7 agregat, Sijil tinggi agama 1999: 6 agregat (anugerah pelajar terbaik 1999 STU), : Diploma Jakim : jayyid jiddan, Sepanjang pengajian di MTAQ, pernah dilantik sebagai pengawas, tim.s/u badan redaksi, tim.bendahari badan akademik. Kini bertugas di UKM sebagai guru bahasa Arab. Temubual pada 28 Oktober 2008.

Menguruskan masa dengan baik secara berjadual, diberi masa khusus untuk muraja'ah al-Quran setiap hari, mengambil makanan berkhasiat dan penguat ingatan<sup>11</sup>, niat yang ikhlas, jaga akhlak, jaga pemakanan, hormat ibu bapa dan guru, amalkan apa yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah<sup>12</sup>. Faktor pemakanan, amalan kebaikan, ibadat, hindari maksiat,<sup>13</sup> menjaga pemakanan dari sumber yang halal, berkhasiat dan menjauhi yang syubhah, memperbanyakkan memakan kismis dan air zam-zam, menjauhi maksiat dan banyak melakukan solat tahajjud.<sup>14</sup> Sentiasa mengulang hafalan iaitu mengulang hafalan di setiap selepas solat waktu, menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan harian.<sup>15</sup> Kaedah *muraja'ah* dan ulangkaji pada bacaan yang telah dihafaz. Bukti semasa menjadi imam tarawikh, kita perlu mengulang supaya dapat mengingat surah-surah yang telah dihafaz.<sup>16</sup> Dekat dengan Allah dan jauh dari maksiat<sup>17</sup> Tinggal maksiat dan jaga pemakanan.<sup>18</sup> Kaedah yang ada dalam al-Quran, tasmi' serta mengulang setiap waktu yang ada.<sup>19</sup> Kaedah yang paling berkesan untuk menguatkan hafazan ialah usaha yang berterusan untuk murajaah hafazannya. Usaha ini perlu dilampirkan dengan jadual yang sistematik yang disusunnya sendiri sesuai dengan kehidupan hariannya. Ketika menyusun jadualnya ada beberapa aspek yang perlu diambil kira antaranya waktu yang paling sesuai untuk mengulang dan menghafaz seperti waktu subuh dan malam hari, sukatan murajaah harian atau mingguan dan tidak lupa tempat yang sesuai. Di samping itu dia hendaklah sentiasa memohon bantuan dari Allah agar dipermudahkan dan dipelihara hafazannya kerana walau apapun usahanya, kurniaan itu tetap dari Allah sesuai dengan hadis; sesungguhnya aku hanya membahagi-bahagikan dan Allahlah yang mengurniakan.<sup>20</sup>

3. Pada pandangan ustaz apakah faktor golongan huffaz dapat mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang iaitu tahfiz dan akademik ?

Penguasaan Al-Quran terlebih dahulu memberi dan membuka ruang kepada penguasaan dalam akademik dengan kata lain keberkatan Al-Quran menyebabkan kecemerlangan akademik.<sup>21</sup> Sememangnya orang yang menghafal al-Quran mempunyai minda yang tajam dan mudah untuk menguasai ilmu-ilmu yang lain.<sup>22</sup> Memang hafalan memberi kesan yang positif itu janji Allah dalam al-Quran.<sup>23</sup> Allah s.w.t telah berfirman:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Surah *al-Hijr*, 15: 9

Maksudnya:

“*Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Dhikr ( al-Qur'an ) sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya*”.

<sup>11</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>12</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>13</sup> Shaharudin Yaakob, tenaga pengajar MTAQ 2003- 2008. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>14</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din, temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>15</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>16</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>17</sup> Nik Muhammad Nik Man, (2008), temubual, 22 Oktober.

<sup>18</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>19</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>20</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>21</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>22</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>23</sup> *Ibid.*

Hubungan mereka dengan Allah, mereka adalah 'ahlu Allah' hati bersih, minda sentiasa diasah.<sup>24</sup> Golongan huffaz telah menghafal sumber ilmu di dunia iaitu Al-Quran, maka perkara lain akan mudah dan membantu kecemerlangan itu, dengan selalu mengasah minda dan dapat memudahkan mengingati bidang akademik.<sup>25</sup> Golongan huffaz boleh cemerlang dalam tahfiz dan akademik kerana al-Quran membantu dalam semua aspek kehidupan. al-Quran membuatkan seseorang hafiz dapat mengawal diri mereka seterusnya berjaya dalam hidup.<sup>26</sup> Sebagai seorang huffaz yang berjaya ciri-ciri yang wujud pada dirinya perlu fokus pada hafalannya dan ia perlu minat yang mendalam untuk menghasilkan kecemerlangan.<sup>27</sup> Latihan menghafaz melatih otak dan melahirkan kesempurnaan.<sup>28</sup> Faktor terbesar adalah keberkatan al-Quran yang telah dihafal.<sup>29</sup> Keberkatan dan lazimnya mereka yang hafal al-Quran pencapaiannya lebih cemerlang kerana ilmu terdapat di dalamnya.<sup>30</sup> Kecemerlangan didalam bidang tahfiz agak sukar untuk dihuraikan tetapi dalam bidang akademik ada banyak faktor antaranya disiplin. Untuk menghafal dan menjaga al-Quran mereka perlu banyak berdisiplin dalam kehidupan seharian. Disiplin yang mereka perolehi ketika menghafal dan menjaga al-Quran ini sedikit sebanyak membantu mereka mendisiplinkan diri dalam bidang akademik juga. Sifat yang sama juga kepada faktor kesungguhan. Faktor yang lain ialah mereka telah dibantu dengan al-Quran yang mereka hafaz untuk menguasai beberapa subjek terutamanya dalam Pengajian Islam. Ini kerana subjek-subjek tersebut mengandungi ayat-ayat al-Quran sebagai paksi utama yang telah pun diketahui ataupun sekurang-kurangnya dihafaz oleh mereka. Faktor lain mungkin pertolongan Allah yang sentiasa berada bersama ahlulquran.<sup>31</sup>

4. Sejauh manakah ustaz melihat keberkesanan kaedah yang disediakan oleh MTAQPC mampu membantu para pelajar menguatkan hafazan?

Kaedah yang sedia di MTAQPC membantu menguatkan hafazan pelajar walaupun tidak ditahap yang maksimum. Ini adalah disebabkan MTAQPC memberi penekanan kepada kedua-dua bidang iaitu hafalan dan akademik.<sup>32</sup> Kaedah di MTAQPC memang mampu membantu pelajar tetapi bagi pelajar yang terpilih sahaja, bagi pelajar yang kurang sedikit mungkin tidak sesuai.<sup>33</sup> Lihat kejayaan negeri, nasional dan antarabangsa contohnya 2002 wakil musabaqah Arab Saudi, 2005 wakil ke Mesir.<sup>34</sup> Kaedah yang dipraktikkan telah dikenal pasti cara terbaik untuk memudahkan pelajar dalam menghafal setelah dipraktikkan oleh generasi awal penubuhan.<sup>35</sup> Kaedah yang disediakan MTAQPC berkesan kerana selepas pelajar tamat hafalan 1 juz, mereka akan diuji oleh guru. Mereka tidak dapat berpindah juz baru selagi belum lulus juz yang diuji.<sup>36</sup> Penekanan pada disiplin diri, penekanan pada solat jemaah, umur muda 13 tahun mula menghafaz satu kaedah yang telah diaplikasikan tetapi tidak popular. Tempoh hafalan yang lama iaitu 5 hingga 7 tahun.<sup>37</sup> Kaedah yang dilakukan mampu melahirkan

---

<sup>24</sup> Shahrudin Yaakob, tenaga pengajar MTAQ 2003- 2008. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>25</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>26</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>27</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>28</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>29</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>30</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>31</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>32</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>33</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>34</sup> Shahrudin Yaakob. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>35</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>36</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>37</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

penghafaz al-Quran.<sup>38</sup> Amat berkesan membantu para pelajar menjaga hafalan.<sup>39</sup> Sistem yang disediakan oleh pihak sekolah ini tiada di maahad tahfiz yang lain, iaitu dalam masa yang lama 5-7 tahun.<sup>40</sup> Ada beberapa kaedah yang digunapakai di MTAQPC yang membantu pelajar menguatkan hafazan. Pertama kaedah 7 pipi. Kaedah ini diperkenalkan oleh ustaz Nazaruddin bertujuan membantu pelajar menguatkan hafazan yang sedia ada sambil menghafal yang baru. Kedua Sukatan hafazan tahunan yang tidak membebankan. Di MTAQPC para pelajar diminta mengambil masa 6 tahun untuk menghabiskan Al-Quran 30 juzuk. 30 juzuk tersebut dibahagi-bahagi mengikut sukatan yang tersendiri dan akan selesai dalam masa 6 tahun. Tujuannya agar pelajar sempat mengulang hafalan dan tidak memberatkan mereka dengan menghafal semata-mata. Mereka akan mempunyai masa yang mencukupi untuk menguatkan hafazan mereka yang sedia ada dengan tidak dihambat dengan sukatan hafalan yang banyak. Juga mereka dijaga dari sudut aspek pemakanan dimana makanan yang dibimbangi menggugat hafalan seperti maggi dan air batu dilarang keras pengambilannya. Tidak lupa sistem di MTAQPC yang tidak membenarkan pelajar keluar dari perkarangan sekolah walaupun dihujung minggu membantu pelajar menumpukan perhatian mereka kepada al-Quran. Sistem cuti sekolah di MTAQPC berbeza dengan sekolah-sekolah yang lain, pelajar bercuti seminggu selepas 7 atau 8 minggu bersekolah. Ada lagi beberapa pendekatan yang diambil oleh pihak MTAQPC untuk membantu pelajar secara langsung atau tidak untuk menguatkan hafalan mereka, tetapi kekuatan hafazan pelajar tetap bergantung kepada diri pelajar itu sendiri. Usaha dan pertolongan Allah sahajalah penentunya. Bagaimanapun, MTAQPC telah berjaya sekadar yang termampu sebagai sebuah institusi tahfiz al quran untuk membantu pelajarnya-pelajarnya.<sup>41</sup>

##### 5. Bagaimana golongan huffaz membahagikan masa antara hafalan dan akademik ?

Peruntukan masa untuk Al-Quran 4 jam sehari secara rasmi.<sup>42</sup> Apabila mengingat al-Quran maka akademik menjadi mudah<sup>43</sup> Setelah dari awal dilatih cara membahagikan masa untuk hafalan dan akademik.<sup>44</sup> Biasanya hafalan akan diulang atau dibaca selepas waktu solat. Akademik pada waktu prep, biasanya pada pukul 3-4 petang dan 10-11 malam.<sup>45</sup> Mengikuti jadual yang telah disediakan oleh pihak sekolah dan kelebihan tersendiri yang dimiliki oleh pelajar.<sup>46</sup> Al-Quran tidak memerlukan masa yang banyak, 3 jam yang berkualiti. Ketenangan yang lahir dari jam-jam yang kualiti ini memberi kekuatan belajar.<sup>47</sup> Ianya mengikut keadaan peribadi dan akademik mengikut jadual yang disediakan oleh pihak MTAQPC.<sup>48</sup> Sebenarnya pembahagian masa antara hafalan dan akademik bergantung kepada seseorang individu dan kadangkala bergantung kepada sistem yang berkuatkuasa di institusi yang dimasukinya. Pembahagian masa hendaklah sesuai dan selaras dengan aktiviti hariannya seperti waktu persekolahan dan waktu rehat. Jadi cara pembahagian agak berbeza. Tetapi masa antara keduanya mestilah seimbang dan mencukupi. Selalunya waktu subuh dan selepas maghrib adalah

---

<sup>38</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>39</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>40</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>41</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>42</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>43</sup> Shahrudin Yaakob. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>44</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>45</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>46</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>47</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>48</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

untuk hafalan dan siang hari untuk akademik. Malam pula dibahagi dua iaitu antara hafalan dan akademik.<sup>49</sup>

6. Pada pendapat ustaz, adakah hafalan al-quran dapat memberi kesan positif terhadap kecemerlangan pelajar dari segi akademik dan syahsiah? Minta ustaz dapat jelaskan.

Hafalan memberi kesan positif terhadap kecemerlangan akademik dan syahsiah sekiranya sudah sehati dalam diri pelajar tersebut.<sup>50</sup> Al-quran suatu yang susah, apabila seseorang mampu menguasai hafalan al-Quran akan menyebabkan kemudahan untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik, manakala dari sudut syahsiah pula, apabila al-Quran berada dalam diri maka syaitan lari dan maksiat dapat dihindari.<sup>51</sup> Apabila dekat dengan al-Quran, maka dapat menjauhi maksiat, dengan ini syahsiah dan hafalan dapat dijaga.<sup>52</sup> Pelajar akan rasa insaf dan akhlak mereka secara automatik akan mengikuti al-Quran.<sup>53</sup> Yang mana terbukti ianya berlaku pada dirinya.<sup>54</sup> Tidak dapat dinafikan mereka yang dekat dengan al-Quran adalah yang baik akademik dan syahsiah.<sup>55</sup> Hafalan al-Quran memberi kesan positif kerana mereka akan terikat untuk takut membuat perkara yang jahat.<sup>56</sup> Apabila dalam diri mempunyai al-Quran, maka ia menyumbang ke arah kecemerlangan pelajaran.<sup>57</sup> Ia memberi kesan positif kepada keduanya. Kesan positif terhadap akademik dan syahsiah, ia memberi motivasi dan pendorong kepada pelajar untuk berakhlak mulia dan bersyukur tinggi. Ini kerana dia sedar bahawa ia sedang membawa imej al Quran pada dirinya. Begitu juga masyarakat menyanjunginya dan memberi perhatian kepadanya. Dari situ dia akan berhati-hati dan sentiasa menjaga dirinya. Mungkin juga dia akan sedar bahawa dosanya juga akan berganda sekiranya dia melakukan kesilapan.<sup>58</sup>

7. Adakah ia mempunyai hubungkait yang kuat antara satu sama lain?(tahfiz dan akademik)

Ada hubung kait ibarat al-Quran kunci segala ilmu<sup>59</sup> Memang ada hubungkait<sup>60</sup> Tahfiz sememangnya membantu akademik tetapi kecemerlangan akademik tidak membantu tahfiz.<sup>61</sup> Semestinya mempunyai hubung kait kerana keduanya sumber ilmu.<sup>62</sup> Tahfiz dan akademik mempunyai hubung kait, membacanya menjadikan pengajian akademik mereka menjadi baik.<sup>63</sup> Apabila al-Quran yang susah dapat dihafal, ilmu lain mudah dan senang difahami.<sup>64</sup> Ada yang berkait seperti akademik yang berkaitan dengan Pengajian Islam dan ada yang tiada kaitan seperti Sains, Matematik dan seumpamanya<sup>65</sup>

---

<sup>49</sup> Al Muslim bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>50</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>51</sup> Shahrudin Yaakob. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>52</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>53</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>54</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>55</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>56</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>57</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>58</sup> Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>59</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>60</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>61</sup> Shahrudin Yaakob. Temubual pada 21 Oktober 2008.

<sup>62</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>63</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>64</sup> Ahmad Ridza b Abdul Rahman. Temubual pada 19 Oktober 2008.

<sup>65</sup> Al Muslim Bin Mustapa @Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

8. Sebagai salah seorang hafiz, adakah ustaz merasakan dengan hafalan Al-Quran tersebut membebaskan ustaz dan adakah ia menjejaskan pencapaian akademik ustaz sepanjang pengajian di MTAQPC? minta keterangan lebih lanjut.

Hafalan al-Quran melancarkan urusan kerja yang lain.<sup>66</sup> Pada peringkat awal memang membebaskan tetapi setelah menjadi kebiasaan, tidak lagi. Bahkan dengan pengalaman menghafal al-Quran telah banyak membantu kecemerlangan dalam bidang akademik.<sup>67</sup> Hafalan al-Quran tidak menjejaskan akademik malah para pelajar yang cemerlang dalam hafalan al-Quran akan cemerlang juga dalam akademik<sup>68</sup> Tidak berlaku sebaliknya malah membuahkan hasil yang cemerlang.<sup>69</sup> Pada awal terasa bebannya, mungkin kerana waktu itu masih lagi tidak dapat menyesuaikan diri dengan dua perkara pada waktu yang sama, Al-Quran dan akademik. Apabila meningkat tahun demi tahun mula dapat menyesuaikan diri dan mula dapat membahagikan masa yang ada untuk kedua-duanya. Oleh kerana itu, secara peribadi pencapaian akademik ana agak terjejas pada tahun pertama dan kedua keberadaan ana disana dan pada tahun-tahun berikutnya Alhamdulillah pencapaian akademik ana mula berubah kearah yang lebih baik. Bahkan hafalan al-Quran mula membantu ana menguasai beberapa subjek berteraskan pengajian Islam. Untuk beberapa subjek tersebut ana mendapat markah yang agak tinggi juga.<sup>70</sup>

9. Komen us.tentang perkembangan Maahad Tahfiz sekarang?

MTAQPC semakin menyerlah dari segi kecemerlangan akademik.<sup>71</sup> Semakin hari semakin diminati oleh masyarakat.<sup>72</sup> Selaras dengan manifesto kerajaan negeri Kelantan yang ingin mewujudkan satu keluarga satu hafiz dan satu jajahan satu maahad tahfiz. Semakin berkembang dan menjadi tumpuan untuk menghafal al-Quran. Ia semakin membangun dan berkembang pesat disebabkan hasil yang cemerlang.<sup>73</sup> Semakin berkembang pesat atas permintaan yang tinggi daripada masyarakat.<sup>74</sup> Sekarang ini maahad tahfiz mula bercambah di merata-rata tempat di seluruh negara. Ia sebenarnya telah lama bercambah tetapi apa yang berlaku sekarang agak berlainan kerana tahfiz-tahfiz sekarang mula menawarkan pelajaran akademik mengikut arus pendidikan negara bahkan ada yang menawarkan aliran sains pada pelajar mereka. Ini agak berbeza dengan 10 tahun dahulu di mana mereka hanya menawarkan tempat untuk menghafal al-Quran dan beberapa subjek Pengajian Islam sebagai ilmu tambahan semata-mata. Ini agak baik tetapi ia perlu dipantau kerana ia lebih berbentuk swasta dan ada yang indah khabar pada iklannya dari rupa. Pantauan amat perlu agar nama baik institusi tahfiz tidak dipandang serong oleh masyarakat.<sup>75</sup>

10. Apakah harapan us.terhadap bidang ini pada masa akan datang?

Perlu diberi perhatian yang tinggi dan dihargai<sup>76</sup> Semoga ianya semakin berkembang sehingga dalam setiap keluarga terhapat seorang hafiz.<sup>77</sup> Dapat memperbanyakkan lagi

---

<sup>66</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>67</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>68</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>69</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>70</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>71</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>72</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

<sup>73</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>74</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>75</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

<sup>76</sup> Ab. Rahman al-Qari bin Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>77</sup> Ahmad Marwan Abdul Rahman. Temubual pada 20 Oktober 2008.

sistem ini di Malaysia.<sup>78</sup> Bidang tahfiz berkembang dan dapat melahirkan pimpinan negeri pada masa akan datang.<sup>79</sup> Moga mendapat sambutan dan galakan yang baik malah sambutan di Malaysia.<sup>80</sup> Terus berkembang agar boleh meneruskan agenda islamisasi dalam negara.<sup>81</sup> Harapan tinggi supaya ia menjadi wajib kepada semua aliran pelajar.<sup>82</sup> Diharapkan bidang ini dapat maju ke hadapan lagi dan mendapat tempat dalam arus pendidikan perdana Malaysia dengan perhatian dari pihak kerajaan tempatan dan pusat sepertimana bidang-bidang lain di negara ini.<sup>83</sup>

## SOALAN UNTUK EX-MTAQ PC

1. Apakah ciri-ciri yang harus ada pada setiap pelajar yang bergelar al-Hafiz?
2. Apakah kaedah atau cara berkesan untuk membantu pelajar menguatkan hafazan?
3. Apa pandangan ustaz apakah faktor golongan huffaz dapat mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang iaitu tahfiz dan akademik ?
4. Sejauh manakah ustaz melihat keberkesanan kaedah yang disediakan oleh MTAQPC mampu membantu para pelajar menguatkan hafazan?
5. Bagaimana golongan huffaz membahagikan masa antara hafalan dan akademik?
6. Pada pendapat ustaz, adakah hafalan al-quran dapat memberi kesan positif terhadap kecemerlangan pelajar dari segi akademik dan syahsiah? Minta ustaz dapat jelaskan.
7. Adakah ia mempunyai hubungkait yang kuat antara satu sama lain?(tahfiz dan akademik)
8. Sebagai salah seorang hafiz, adakah ustaz merasakan dengan hafalan quran tersebut membebankan ustaz dan adakah ia menjejaskan pencapaian akademik ustaz sepanjang pengajian di MTAQPC? minta keterangan lebih lanjut.
9. Komen ustaz tentang perkembangan Maahad Tahfiz sekarang?
10. Apakah harapan ustaz terhadap bidang ini pada masa akan datang?
11. Buat akhirnya, minta ustaz dapat menceritakan secara ringkas biodata, pendidikan, pencapaian yang diperolehi semasa berada di MTAQPC dari segi kurikulum dan ko-kurikulum mengikut tahun serta kerjaya ustaz kini.

---

<sup>78</sup> Nik Mohd Kifayatullah bin Nik Din. Temubual pada 13 Oktober 2008.

<sup>79</sup> Mirza Alauddin Razali. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>80</sup> Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>81</sup> Nik Muhammad Nik Man. Temubual pada 22 Oktober 2008.

<sup>82</sup> Raja M. Adib bin Raja Mohamed. Temubual, pada 19 Oktober 2008.

<sup>83</sup> Al Muslim Bin Mustapa @ Ab Rahim. Temubual pada 28 Oktober 2008.

## SOALAN UNTUK EX-MTAQPC (28 OKTOBER 2008)

1. Apakah ciri-ciri yang harus ada pada setiap pelajar yang bergelar al-Hafiz?

Pertamanya kita perlu sedar bahawa sebelum bergelar al-hafiz terlebih dahulu dia adalah muslim, justeru semua ciri-ciri yang perlu ada pada diri seorang muslim hendaklah ada pada dirinya. Ciri-ciri ini terlalu banyak disebut didalam al-Quran dan al-Hadis juga dihuraikan oleh para ulamak terutamanya Imam Ghazali dalam kitab-kitabnya. Kesimpulannya dia hendaklah mengikuti apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya didalam kehidupannya dan mengambil Islam sebagai cara hidup dan panduan. Untuk al-hafiz secara khusus ada beberapa ciri tambahan yang perlu dimilikinya sesuai dengan title yang dipikulnya. Ciri-ciri ini telah disebut secara khusus oleh para ulamak antaranya imam Ajurri dalam kitabnya Akhlak Hamalatul Al-Quran, imam al Qurthubi dalam beberapa karangannya dan banyak lagi. Antara ciri-ciri tersebut ialah ikhlas kepada Allah ketika menuntut ilmu al-Quran, sentiasa membaca al-Quran siang dan malam, didalam solat dan diluar supaya tidak lupa al-Quran yang dihafalnya sehinggakan berbeza dari orang kebanyakan dari sudut tersebut, berusaha untuk mengamalkan isi kandungan al-Quran dan banyak lagi. Cuma boleh disimpulkan disini ialah seorang al-hafiz hendaklah lebih `lebai` dari orang lain yang tidak menghafal al-Quran. Kelebaiannya hendaklah melambangkan title hafiz yang dipegangnya.

2. Apakah kaedah atau cara berkesan untuk membantu pelajar menguatkan hafazan?

Pada pendapat ana kaedah yang paling berkesan untuk menguatkan hafazan ialah usaha yang berterusan untuk murajaah hafazannya. Usaha ini perlu dilampirkan dengan jadual yang sistematik yang disusunnya sendiri sesuai dengan kehidupan hariannya. Ketika menyusun jadualnya ada beberapa aspek yang perlu diambil kira antaranya waktu yang paling sesuai untuk mengulang dan menghafaz seperti waktu subuh dan malam hari, sukatan murajaah harian atau mingguan dan tidak lupa tempat yang sesuai. Di samping itu dia hendaklah sentiasa memohon bantuan dari tuan punya al-Quran iaitu Allah agar dipermudahkan dan dipelihara hafazannya kerana walau apapun usahanya kurniaan itu tetap dari Allah sesuai dengan hadis; sesungguhnya aku hanya membahagi-bahagikan dan Allahlah yang mengurniakan.

3. Apa pandangan ustaz apakah faktor golongan huffaz dapat mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang iaitu tahfiz dan akademik ?

Kecemerlangan dalam didalam bidang tahfiz agak sukar utk dihuraikan tetapi dalam bidang akademik ada banyak faktor antaranya disiplin. Untuk menghafal dan menjaga al-Quran mereka perlu banyak berdisiplin dalam kehidupan seharian. Disiplin yang mereka perolehi ketika menghafal dan menjaga al-Quran ini sedikit sebanyak membantu mereka mendisiplinkan diri dalam bidang akademik juga. Sifir yang sama juga kepada faktor kesungguhan. Faktor yang lain ialah mereka telah dibantu dengan al-Quran yang mereka hafaz utk menguasai beberapa subjek terutamanya dalam pengajian islam. Ini kerana subjek-subjek tersebut mengandungi ayat-ayat al-Quran sebagai paksi utama yang telah pun diketahui ataupun sekurang-kurangnya dihafaz oleh mereka. Faktor lain mungkin pertolongan Allah yang sentiasa berada bersama ahlul al-Quran.

4. Sejauh manakah ustaz melihat keberkesanan kaedah yang disediakan oleh MTAQPC mampu membantu para pelajar menguatkan hafazan?

Ada beberapa kaedah yang diguna pakai di MTAQPC yang ana rasa membantu pelajar menguatkan hafazan. Pertama kaedah 7 pipi. Kaedah ini diperkenalkan oleh u.Nazaruddin bertujuan membantu pelajar menguatkan hafazan yang sedia ada sambil menghafal yang baru. Kedua Sukatan hafazan tahunan yang tidak membebankan. Di MTAQPC para pelajar diminta mengambil masa 6 tahun untuk menghabiskan al-Quran 30 juzuk. 30 juzuk tersebut dibahagi-bahagi mengikut sukatan yang tersendiri dan akan selesai dalam masa 6 tahun. Tujuannya pada pemerhatian ana agar pelajar sempat mengulang hafalan dan tidak memberatkan mereka dengan menghafal semata-mata.mereka akan mempunyai masa yang mencukupi untuk menguatkan hafazan mereka yang sedia ada dengan tidak dihambat dengan sukatan hafalan yang banyak.juga mereka dijaga dari sudut aspek pemakanan dimana makanan yang dibimbangi menggugat hafalan seperti maggi dan air batu dilarang keras pengambilannya. Tidak lupa sistem di MTAQPC yang tidak membenarkan pelajar keluar dari pengkarangan sekolah walaupun dihujung minggu membantu pelajar menumpukan perhatian mereka kepada al-Quran. Sistem cuti sekolah di MTAQPC berbeza dengan sekolah2 yang lain, sewaktu ana bersekolah disana pelajar bercuti seminggu selepas 7 atau 8 minggu bersekolah. Ada lagi beberapa pendekatan yang diambil oleh pihak MTAQPC untuk membantu pelajar secara langsung atau tidak untuk menguatkan hafalan mereka, tetapi kekuatan hafazan pelajar tetap bergantung kepada diri pelajar itu sendiri. Usaha dan pertolongan Allah sahajalah penentunya.bagaimanapun, tidak keterlaluan jika ana sebagai salah seorang pelajarnya pada waktu ketika dahulu menyatakan MTAQPC telah berjaya sekadar yang termampu sebagai sebuah institusi tahfiz al-Quran untuk membantu pelajarnya-pelajarnya.

5.Bagaimana golongan huffaz membahagikan masa antara hafalan dan akademik?

Sebenarnya pembahagian masa antara hafalan dan akademik bergantung kepada seseorang individu dan kadangkala bergantung kepada sistem yang berkuatkuasa di institusi yang dimasukinya.pembahagian masa hendaklah sesuai dan selaras dengan aktiviti hariannya seperti waktu persekolahan, waktu rehat. Jadi cara pembahagian agak berbeza. Tetapi masa antara keduanya mestilah seimbang dan mencukupi. Selalunya waktu subuh dan selepas maghrib adalah untuk hafalan dan sianghari untuk akademik. Malam pula dibahagi dua hafalan dan akademik.

6. Pada pendapat ustaz, adakah hafalan al-Quran dapat memberi kesan positif terhadap kecemerlangan pelajar dari segi akademik dan syahsiah? Minta ustaz dapat jelaskan.

Yer, pada pendapat saya ia memberi kesan positif kepada keduanya. Kesan positif terhadap akademik sepertimana yang saya telah jalaskan tadi.manakala syahsiah, ia memberi motivasi dan pendorong kepada pelajar untuk berakhlak mulia dan bersyukur tinggi.ini kerana dia sedar bahawa ia sedang membawa imej al-Quran pada dirinya. Begitu juga masyarakat menyanjunginya dan memberi perhatian kepadanya. Dari situ dia akan berhati-hati dan sentiasa menjaga dirinya. Mungkin juga dia akan sedar bahawa dosanya juga akan berganda sekiranya dia melakukan kesilapan.

7.Adakah ia mempunyai hubungkait yang kuat antara satu sama lain?(tahfiz dan akademik)

Ada yang berkait seperti akademik yang berkaitan dengan pengajian islam dan ada yang tiada kaitan seperti sains, matematik dan seumpamanya

8. Sebagai salah seorang hafiz, adakah ustaz merasakan dengan hafalan al-Quran tersebut membebaskan ustaz dan adakah ia menjejaskan pencapaian akademik ustaz sepanjang pengajian di MTAQPC? minta keterangan lebih lanjut.

Pada awalnya ana ada jugak terasa bebannya, mungkin kerana waktu itu masih lagi tak dapat menyesuaikan diri dengan 2 perkara pada waktu yang sama, al-Quran dan akademik. Apabila meningkat tahun demi tahun ana mula menyesuaikan diri dan mula dapat membahagikan masa yang ada untuk kedua-duanya. Oleh kerana itu, secara peribadi pencapaian akademik ana agak terjejas pada tahun pertama dan kedua keberadaan ana disana dan pada tahun2 berikutnya Alhamdulillah pencapaian akademik ana mula berubah kearah yang lebih baik. Bahkan hafalan al-Quran mula membantu ana menguasai beberapa subjek berteraskan pengajian islam. Untuk beberapa subjek tersebut ana mendapat markah yang agak tinggi juga.

9. Komen us.tentang perkembangan Maahad Tahfiz sekarang?

Apa yang ana nampak sekarang ini maahad tahfiz mula bercambah dimerata-rata tempat diseluruh negara. Ia sebenarnya telah lama bercambah tetapi apa yang berlaku sekarang agak berlainan kerana tahfiz sekarang mula menawarkan pelajaran akademik mengikut arus pendidikan negara bahkan ada yang menawarkan aliran sains pada pelajar mereka. Ini agak berbeza dengan 10 tahun dahulu dimana mereka hanya menawarkan tempat untuk menghafal al-Quran dan beberapa subjek pengajian islam sebagai ilmu tambahan semata-mata. Ini agak baik tetapi ia perlu dipantau kerana ia lebih berbentuk swasta dan ada yang indah khabar pada iklannya dari rupa. Pantauan amat perlu agak nama baik institusi tahfiz tidak dipandang serong oleh masyarakat.

10. Apakah harapan us.terhadap bidang ini pada masa akan datang?

Saya harap bidang ini dapat maju ke hadapan lagi dan mendapat tempat dalam arus pendidikan perdana malaysia dengan perhatian dari pihak kerajaan tempatan dan pusat sepertimana bidang-bidang lain dinegara ini.

11. Buat akhirnya, minta ustaz dapat menceritakan secara ringkas biodata, pendidikan, pencapaian yang diperolehi semasa berada di MTAQPC dari segi kurikulum dan ko-kurikulum mengikut tahun serta kerjaya ustaz kini.

Nama saya Al Muslim bin Mustapa @Ab Rahim lahir pada 3/8/1980 di Kota Bharu Kelantan. Mendapat pendidikan awal di SRK Ketereh kemudian SRK Melor. Pada tahun 1992/93 melanjutkan pelajaran peringkat menengah di maahad tahfiz al-Quran Pulau Chondong sehinggalah tingkatan enam. Kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti al Azhar Kaherah Mesir dalam bidang Bahasa Arab. Pada 2007 balik ke malaysia dan mengajar di SMA Hamidiah padang lepai selama 5 bulan sebelum bertugas di UKM pada bulan 10/2007 hingga sekarang sebagai guru bahasa Arab.

Sijil menengah agama1997 : 7 aggreget

Sijil pelajaran malaysia1998 : 7 aggreget

Sijil tinggi agama1999 : 6 aggreget(anugerah pelajar terbaik STU)

Diploma jakim1999 : jayyid jiddan

Sepanjang pengajian di MTAQPC, pernah dilantik sebagai pengawas, tim.s/u badan redaksi, tim.bendahari badan akademik dan ajk beberapa badan lain.

